

24/08/2001

Pak Lah bimbang polis gelisah

Norazmi Abdul Talib; Amir Mamat

MELAKA, Khamis - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bimbang laporan siasatan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) menimbulkan kegelisahan di kalangan anggota polis.

"Itulah yang paling saya bimbang kerana laporan Suhakam itu merumuskan polis bertanggungjawab terhadap beberapa pencabulan hak asasi dalam perhimpunan haram di Lebu Raya Kesas, Jalan Kebun, November lalu.

"Bagaimanapun, kerajaan masih meletakkan sepenuh keyakinan kepada polis sebagai pihak yang menguatkuasakan undang-undang dan akan terus memberi perhatian kepada hal berkaitan tanggungjawab polis serta kemudahan untuk mereka jalankan tugas," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas merasmikan seminar kebangsaan pejuang kemerdekaan anjuran kerajaan negeri, di sini hari ini.

Laporan yang diumumkan oleh pesuruhjaya Suhakam, Tan Sri Anuar Zainal Abidin Isnin lalu itu merumuskan, polis bertanggungjawab terhadap beberapa pencabulan hak asasi dalam tindakannya ketika kejadian pada 5 November lalu itu.

Dalam kejadian itu, polis menahan 125 orang selain merampas beberapa senjata seperti parang dan kayu.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan laporan siasatan Suhakam itu banyak dipengaruhi pemikiran Barat dan bukan bagi kepentingan negara.

Perdana Menteri berkata, Suhakam, yang mahu membuktikannya bersikap liberal, silap rakyat dengan mengambil kira hak asasi mereka.

Abdullah berkata, beliau sudah memaklumkan dalam mesyuarat Kabinet semalam mengenai laporan siasatan Suhakam itu dan akan membincangkannya dalam sehari dua lagi.

Beliau berkata, polis bertindak disebabkan perhimpunan itu haram dan undang-undang memerlukan permit diberikan untuk mengadakan perhimpunan.

Katanya, polis menentukan sama ada permit wajar diberikan atau tidak bergantung kepada maklumat yang diperolehi. Dalam kes itu, polis berpendapat perhimpunan tidak wajar diadakan dan permit tidak diberikan.

"Bagaimanapun, pihak yang menganjurkan perhimpunan itu sepatutnya tidak membantah tetapi mereka masih hendak mengadakan perhimpunan secara besar-besaran.

"Ini menjadikan situasi sukar dengan jalan tertutup disebabkan ada kereta sengaja diletakkan di tengah jalan, ditutup dan berkunci. Ini bukan suatu situasi mudah yang hendak dikawal waktu itu," katanya.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, beliau biasa berdialog dengan polis berkaitan perhimpunan haram bukan saja di Klang tetapi juga di tempat lain.

Katanya, polis memang sentiasa beringat tidak melakukan sesuatu di luar undang-undang dan kalau berlaku, tindakan akan diambil terhadap mereka.

Bagaimanapun, katanya, polis menghadapi kesukaran melaksanakan tanggungjawab iaitu menguatkuasakan undang-undang menangani orang ramai yang berhimpun secara haram.

"Sepatutnya mereka yang bertanggungjawab untuk mengadakan pertemuan ini, mematuhi undang-undang tetapi masih mahu membantah kerana ada agenda lain," katanya.

(END)